

**NO. SOALAN: 21**

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[JERANTUT]**

**TARIKH : 3 APRIL 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Tuan Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang dijalankan oleh Kerajaan di dalam memberi penerangan kepada rakyat berkaitan RUU 355 kepada masyarakat umum agar persepsi negatif yang cuba diwujudkan oleh sesetengah pihak dapat ditangkis dan diperbetulkan.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari tentang kepentingan program-program penerangan dan penjelasan bagi mengelakkan timbulnya salah faham dan kecelaruan maklumat berkaitan isu pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355].

Ingin saya jelaskan disini, bahawa Akta 355 telah diperkenalkan pada tahun 1965. Ketika itu kadar maksimum hukuman penjara tidak lebih dari 6 bulan atau denda tidak melebihi RM1,000 atau keduanya. Pada tahun 1984, peruntukan mengenai bidang kuasa jenayah mahkamah Syariah tersebut telah dipinda melalui Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984. Menerusi pindaan itu, bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah dalam menjatuhkan sesuatu hukuman telah dinaikkan kepada hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau sebatan tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut. Seterusnya, pada tahun 1989 ianya diperluaskan pemakaianya ke Sabah dan Sarawak.

Cadangan pindaan yang terkini kepada Akta 355 telah dikemukakan melalui Usul Ahli Persendirian bukan ahli Kerajaan oleh Ahli Parlimen Marang berdasarkan kepada Peraturan 49, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Oleh itu, Kerajaan tiada halangan terhadap badan bukan Kerajaan membuat program penerangan berhubung cadangan pindaan Akta 355 tersebut yang bertujuan untuk memberi kefahaman Islam yang tepat termasuk undang-undang jenayah syariah kepada masyarakat umum melalui pelbagai program dan aktiviti seperti penyelidikan, seminar, dialog, bengkel, forum, perundingan, latihan dan penerbitan.

Sekian, terima kasih.